



اَوْنِمْوَرَسِيْتِي تِيْكَوَلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Vol. 5

BULETIN FPN S3

FAKULTI PERAKAUNAN

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS SEREMBAN



EVERY JOURNEY HAS
ITS OWN BEGINNING

f FACEBOOK

fpnuitmn9s3

globe WEB PAGE


FPN KAMPUS SEREMBAN

Evolusi Pelaporan Keuangan: Penulisan Dari Perspektif Filem "The Gods Must Be Crazy"

oleh Wan Mardiyatul Miza Wan Tahir

"The Gods Must Be Crazy" adalah filem komedi terbitan dan arahan oleh Jamie Uys dengan kerjasama produksi antara dua negara iaitu Afrika Selatan dan Bostwana pada tahun 1980. Cerita ini mengisahkan satu suku kaum Bushmen di padang pasir Kalahari yang terpencil dan tidak berhubung dengan masyarakat luar yang lain. Kisah bermula apabila Xi, salah seorang daripada suku kaum ini telah terjumpa satu botol kaca Coca-cola yang dibuang oleh juruterbang kapal terbang udara yang melalui kawasan suku kaum tersebut. Oleh kerana ia sesuatu yang tidak pernah dijumpai oleh mereka, Xi yakin ia adalah hadiah daripada tuhan kerana ia jatuh daripada langit.


Maka, suku kaum ini telah menggunakan botol kaca tersebut dalam urusan harian mereka. Namun, terjadi pergaduhan apabila masing-masing berebut dalam masa yang sama untuk menggunakan botol kaca tersebut. Justeru, Xi merasakan ada unsur kejahatan pada botol kaca yang dihadiahkan oleh tuhan. Xi bertindak untuk memulangkan kepada tuhan botol kaca tersebut. Bermulalah pengembaraan Xi ke dunia luar dalam usaha mengembalikan botol kaca tersebut kepada tuhan.



Antara intipati yang menarik ditonjolkan dalam filem ini adalah betapa ringkasnya kehidupan suku kaum ini berbanding kehidupan moden ketika itu. Mereka menjalani kehidupan harian cukup bagi keperluan asas seperti makan dengan memburu binatang dan mengambil hasil tumbuhan seperti ubi kayu. Bagi masyarakat moden, sebiji botol kaca bukan lah isu besar. Ini kerana mereka sudah terdedah dengan penggunaan botol kaca daripada kecil lagi. Sekiranya telefon pintar ditemui pada tahun 1980 secara tiba-tiba, pastinya masyarakat moden pada zaman itu juga akan merasakan sesuatu yang ajaib tanpa dapat memahami evolusi teknologi jurang lebih empat dekad. Begitu juga dalam trend pelaporan kewangan di mana perkembangannya adalah hasil daripada tindak balas terhadap perubahan landskap pelaporan perakaunan, penggunaan dan kemajuan teknologi serta kuasa pasaran terkini.

Pelaporan kewangan pada awalnya adalah sebagai sumber maklumat sejarah posisi kewangan sesuatu organisasi. Contohnya maklumat berkaitan untung, rugi, jumlah aset dan liabiliti. Namun, seiring dengan peredaran masa, di dapati maklumat itu tidak lagi berkesan dan lengkap bagi sesetengah pihak berkepentingan. Pada masa ini, masyarakat tidak lagi menilai sesuatu organisasi hanya berpandukan untung atau rugi semata-mata. Masyarakat sekarang lebih sensitif kepada isu-isu seperti kemanusiaan, alam sekitar, prestasi akan datang serta risiko dan peluang dalam mengembangkan perniagaan masing-masing. Apatah lagi teknologi maklumat sekarang yang membolehkan segala informasi yang dicari dalam talian boleh diperolehi secepat beberapa saat sahaja.

Rajah di bawah menunjukkan evolusi dalam pelaporan kewangan korporat yang telah melalui satu perubahan yang drastik dalam beberapa dekad. Pada tahun sekitar 1960, pelaporan korporat merujuk kepada pelaporan kewangan sahaja.



Sumber: <https://www.intechopen.com/chapters/55274>

Lama-kelamaan, pelaporan kewangan semakin bertambah daripada maklumat berkaitan kewangan sahaja kepada maklumat berkaitan pengurusan syarikat. Manakala, pada awal 2000-an, laporan berkaitan kelestarian syarikat pula telah mendapat perhatian pihak yang berkepentingan. Apakah kelestarian syarikat? Terdapat empat komponen penting iaitu (1) permintaan pelanggan, (2) penjenamaan syarikat, (3) tanggungjawab sosial korporat dan (4) inovasi. Sehingga kini, pelaporan kewangan korporat adalah berbentuk pelaporan bersepadu termasuk maklumat kewangan, tadbir urus dan imbuhan, ulasan pengurusan dan maklumat alam sekitar dan kelestarian syarikat menjadi agenda penting dalam dunia perniagaan.

Artikel ini berkenaan evolusi dalam pelaporan korporat, di mana terdapat perubahan yang sangat besar berbanding kepada pelaporan kewangan yang asal. Secara asasnya, perakaunan masih lagi menggunakan prinsip kemasukan berganda iaitu debit dan kredit. Namun, sekiranya seseorang itu tamat ijazah perakaunan pada tahun 1990-an dan tidak bekerja, maka sekiranya beliau kembali ke alam pekerjaan sekarang dan terlibat dalam pelaporan kewangan, sudah pasti banyak perkara yang perlu dipelajari kerana pelaporan perakaunan bukan lagi berkisar hanya kepada debit/kredit dan untung/rugi.

Film “The Gods Must Be Crazy” adalah salah satu contoh menunjukkan akibat atau padah sekiranya kita ketinggalan dalam sesuatu perubahan/evolusi. Maka, menurut sebuah hadith yang masyhur dan diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda :

اطُّبُوا الْعِلْمَ وَلَوْ بِالصِّينِ

Maksudnya : “Carilah (tuntutlah) ilmu walaupun ke negara Cina”.

Rujukan:

https://en.wikipedia.org/wiki/The_Gods_Must_Be_Crazy

<https://www.netsuite.com/portal/resource/articles/accounting/accounting-trends.shtml>

Gökten, P. O & Marşap, B. (2017). Paradigm Shift in Corporate Reporting. In (Ed.), Accounting and Corporate Reporting - Today and Tomorrow. IntechOpen.

<https://doi.org/10.5772/intechopen.68832>

<https://www.astroawani.com/berita-bisnes/empat-komponen-ke-arah-kelestarian-syarikat-76207>